



Projek : EDP Environmental Design Practice Sdn Bhd
Pereka Dalam : EDP Environmental Design Practice Sdn Bhd
Kontraktor : ITF Associates Sdn Bhd
Keluasan : 1,600 kaki persegi
Kategori : Pejabat
Konsep : Kontemporari



EDP

UTAMAKAN 'KETELUSAN' RUANG

KEPELAKS & PENULIS: EMMA MASRI. FOTOGRAFI: SHAHRUL NIZAM BASRI.

Masih ingatkah lagi pembaca dengan idea reka bentuk Hospital Columbia Asia, Seremban, dan apartmen bergaya hebat di Vista Damai? Projek-projek ini merupakan sebahagian daripada cetusan idea berkesan gaya kontemporari yang direalisasikan oleh konsultan arkitek dan reka bentuk Environmental Design Practice Sdn Bhd. (EDP). Puas melihat projek-projek yang dipertanggungjawabkan, kini penulis berasa tiba masanya untuk IMPIANA memaparkan bagaimanakah pula reka bentuk dan hiasan dalaman pejabat EDP sendiri.



PEMBAHAGIAN RUANG EFISIEN

Terletak di Plaza Mont Kiara, pejabat baru EDP ini baru sahaja siap diubahsuai sepenuhnya bagi disesuaikan dengan keadaan bekerja yang memerlukan persekitaran yang menarik dan tenang. EDP diketuai Yap Lip Pien, sebagai Pengarah bersama rakan baiknya, Danny Teoh. Dengan keluasan pejabat yang sederhana besar ini, EDP mampu mewujudkan sebuah ruang pejabat yang kondusif dan selesa dengan pembahagian ruang yang lebih praktikal untuk penghasilan kerja lebih efisien. Falsafah pembentukan berpegang kepada reka bentuk yang lebih ringkas dan kemas tetapi menampilkan keanggunan ruang. Menurut Yap Lip Pien, perkara yang mencabar sewaktu projek ini dilaksanakan ialah untuk memastikan kombinasi harmoni antara seni bina dan sains geomantik agar setiap satunya saling membantu menyerlahkan kelebihan antara satu sama lain.

Berdasarkan hasil kerja melalui projek-projek terdahulu, EDP lebih mementingkan reka bentuk ruang bergaris lurus, berpotongan kemas dan bersih. Pendekatan ini jelas ditunjukkan melalui idea-idea pembatasan ruang dalam pejabat. Jika dilihat dari pintu masuk utama yang menggunakan kaca telus tahan hentakan, ruang pejabat kelihatan seperti sebuah ruang luas yang menempatkan pejabat moden dan formal, tetapi terselit kesegaran idea hiasannya. Imej kontemporari cukup nyata melalui pilihan bahan binaan moden utama yang terdiri daripada kaca dan keluli berkilat. Penguasaan latar putih turut diberi penekanan bagi menonjolkan idea reka bentuk dan idea hiasan yang menarik.

Pejabat EDP dapat dibahagikan kepada beberapa ruang untuk bekerja. Antara yang utama ialah dua buah bilik pengarah, sebuah ruang IT, ruang bekerja kakitangan, bilik mesyuarat utama dan sebuah bilik kecil urusan pentadbiran syarikat. Ruang bekerja untuk kakitangan merupakan ruang yang paling besar bagi menempatkan dua pereka bentuk dalaman dan tiga orang arkibek.

Kesemua ruang yang berada pada kedudukan sebelah menyebelah jelas dilihat sebaik melangkah masuk ke dalam. Pegangan asas utama pembentukan EDP ialah, setiap ruang dapat dilihat jelas walau dari arah mana sekalipun memandangkan sebahagian besar ruang didominasi dinding-dinding kaca telus dan berkabut. Dinding-dinding kaca membawa imej ruang yang bersih selain membentuk ilusi keluasan ruang yang berkesan. Pendekatan ini menjelaskan ruang yang bersifat lebih terbuka, dan secara tidak langsung aktiviti atau perjalanan kerja setiap kakitangan dapat dipantau dengan mudah dan berkesan.



Yap Lip Pien, Pengarah EDP



Pejabat pejabat yang lebih menarik dengan persekitaran yang tenang dan moden seperti kaca telus dan juga latar yang bersih.



ATAS: Ruang mesyuarat yang selesa dengan penataan ruang sempurna. Pilihan kemasan mamar meja mesyuarat menjadi pilihan utama.

BAWAH KIRI: Pilihan warna kontra, penebbangan tinggi keemasan dan latar ungu meninggalkan imej visual yang menarik, seterusnya menjadi titik tumpu ruang mesyuarat.

BAWAH KANAN: Kesenambungan ruang mesyuarat dan bilik pentadbiran kecil dihubungkan melalui tingkap kaca telus.



Konsep tingkap zak Zaiman Taysi memberikan ruang pejabat yang bersih dan terang. Pilihan kerusi melengkung berwarna terang berjaya menyifatkan R&D sebagai ruang yang serba giat.

WARNA PENYUNTUK KESEGERAN

Bagi menyuntik kesegaran dan mengelakkan ruang terlalu kaku, Yap Lip Pien berjaya menggabungkan dan mengekalkan imej ruang pejabat berkonsepkan kontemporari dengan menempatkan objek-objek hiasan dan kemudahan asas berwarna terang. Pencikan warna-warna terang dan kontra ini secara visualnya menjadi titik tumpu atau daya tarikan kuat. Dengan menempatkan sebuah karya seni abstrak di atas kaca menggunakan akrilik, paparan seni bersaiz 1 meter x 2 meter berhampiran laluan masuk pejabat, kelihatan amat serasi dengan reka bentuk pejabat yang bergaris lurus. Sekurang-kurangnya karya abstrak dengan lenturan dan pusaran palitan akrilik memecah dominasi ruang yang berpotongan lurus dan tidak membosankan.

Kelembutan ruang turut diberi perhatian tatkala Yap Lip Pien mengambil keputusan dengan menempatkan tiga buah kerusi berlegan berwarna kuning dan merah terang. Lengkungan reka bentuk kerusi ini memberi impak sebuah ruang pejabat formal yang lebih ceria di ruang menunggu tetamu. Penerapan perabot yang bergaya dan unik membuktikan bahawa kemudahan asas seperti perabot boleh dieksploitasi keistimewaan dengan pemilihan yang tepat, bukan sahaja untuk keselesaan tetapi juga untuk mencuci mata. Pemilihan warna-warna terang ini juga bagi memenuhi penerapan elemen feng shui yang juga diterapkan pada cahaya lampu.

Pandangan penulis turut tertarik dengan kehadiran sebuah ruang kecil melengkung semi bulatan berhampiran laluan masuk. Ruang ini merupakan bilik IT kecil bagi memudahkan kakitangan melayari internet. Apa yang istimewa di sini ialah, bagaimana sistem pencahayaan berwarna biru daripada belakang panel siling plaster 'jatuh' menarik menyimbah fabrik nipis lembut dari Roselle Mont Claire. Hasilnya visual lembut terbentuk dan menjadikan ruang ini kelihatan tenang.

Meninjau seterusnya ke bilik-bilik kecil yang menempatkan bilik pengarah, kakitangan dan mesyuarat, keluasan minimum yang terbentuk dilihat memadai dengan keperluan ruang. Penataan ruang kekal kemas dengan potongan garis lurus. Bagi mengurangkan penggunaan bahan kaca, sistem kabinet tinggi yang melengkapinya ruang-ruang bekerja dikemasi Alumix. Panel ini menghasilkan permukaan kabinet yang rata, licin dan ini terus mengekalkan prinsip reka bentuk yang mengutamakan reka bentuk kemas, bersih dan bergaris lurus.

IMEJ KORPORAT LEBIH SERIUS

Beralih ke bilik mesyuarat. Imej korporat bersifat lebih serius dan profesional jelas terserlah. Sebagaimana kebiasaan, bilik mesyuarat formal cenderung memilih set kerusi separuh kulit berwarna hitam agar kelihatan lebih eksklusif. Namun begitu, bagi menceriakan ruang ini, Yap Lip Pien cuba melembutkan penampilan ruang dengan menerapkan dinding kaca berwarna ungu. Kehadiran padu tinggi berwarna keemasan secara tidak langsung berfungsi sebagai titik tumpu dan penyeri ruang. Sebahagian dinding pula sengaja dibentuk bertekstur garis lurus empat segi bagi membentuk variasi permukaan dinding selain menjadi latar menarik tempat paparan replika projek-projek yang sedang diusahakan.

Biarpun agak ringkas penataan ruang, namun imej kontemporari yang diketengahkan dengan selitan warna-warna ceria pencetus tenaga menjadikan pejabat EDP tidak puas ditatap. Walau apa sahaja reka bentuk yang diterapkan, EDP tetap menggunakan kelebihan simbah cahaya natural bagi menyerlahkan konsep reka bentuk dalaman.



Pelan lantai EDP

**PANDANGAN PENULIS
TURUT TERTARIK
DENGAN KEHADIRAN
SEBUAH RUANG KECIL
MELENGKUNG SEMI
BULATAN BERHAMPARAN
LALUAN MASUK. RUANG
INI MERUPAKAN BILIK IT
KECIL BAGI MEMUDAHKAN
KAKITANGAN MELAYARI
INTERNET APA YANG
ISTIMEWA DI SINI
IALAH, BAGAIMANA
SISTEM PENCAHAYAAN
BERWARNA BIRU DARI
BELAKANG PANEL
SILING PLASTER 'JATUH'
MENARIK MENYIMBAH
FABRIK NIPIS LEMBUT
DARIPADA ROSELLE MONT
CLAIRE.**

